

# **SISTEM BILANGAN DALAM BAHASA ORANG ASLI DUANO**

*(Numeral System In An Aboriginal Duano Language)*

*Rohani Mohd Yusof*

hanis\_98@yahoo.com

*Nur Hidayah Mohamed Suleiman*

nurhidyahsuleiman@gmail.com

Jabatan Linguistik, Akademi Pengajian Melayu,  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Tel.:+603-79677221

## **Abstrak**

Makalah ini bertujuan mengkaji orang asli suku Duano atau Dossin Dolak di Kampung Pontian Besar, Kampung Bumiputra Dalam dan Kampung Kuala Benut. Pada dasarnya, suku kaum orang Asli Duano ini menjalankan aktiviti kehidupan sebagai nelayan, peniaga, buruh dan pekerja kilang. Kajian ini akan memberi fokus atau tumpuan pada sistem bilangan yang terdapat dalam bahasa orang Asli suku Duano. Sistem bilangan ini diteliti berdasarkan subsistem kardinal, ordinal dan kewujudannya dalam kehidupan semasa orang Asli Duano ini. Didapati terdapat banyak persamaan sistem kata bilangan dalam bahasa Melayu. Kemungkinan hal ini berlaku kerana hubungan mereka dengan orang Melayu dalam aktiviti ekonomi seperti urusan jual beli. Orang asli Duano di Kampung Bumiputra Dalam terkenal dengan perniagaan perabot terpakai dari Singapura.

Kata kunci: orang Asli Melayu-Proto, orang Asli suku Duano, sistem bilangan, kata kardinal, kata ordinal

## **Abstract**

*The Duano or Dossin Dolak tribe is a group of Proto-Malay indigenous peoples found in Malaysia which is separate from the*

*Senoi and Negrito groups. The majority of this tribe dwells on the west coast of Johore. This paper focuses on the Duano or Dossin Dolak living in Kampung Pontian Besar, Kampung Bumiputera Dalam and Kampung Kuala Benut. Most of the Duanos are fishermen, merchants, labourers and factory workers. This study focuses on the counting system of that particular language. The system is studied based on the cardinal and ordinal subsystems which are present in their everyday lives. There are many similarities between the Duano and the Malay language when it comes to counting. Probably this similarity is due to their dealings with the Malays in economic activities and business transactions, such as the Duanos in Kampung Bumiputera Dalam who are well-known for their business selling second-hand furniture from Singapore.*

*Keywords:* Proto-Malay indigenous peoples, indigenous tribes, Duano, counting system, cardinals, ordinals

## PENGENALAN

Bahasa orang Asli di Malaysia terdiri daripada dua kelompok yang utama, iaitu bahasa Austronesia dan Austroasia yang merupakan bahasa peribumi di Semenanjung Malaysia. Ada antara bahasa orang Asli ini yang tergolong sebagai bahasa moribund, kerana mempunyai komuniti penutur yang kecil jumlahnya dan boleh menghadapi kepupusan disebabkan kurangnya jumlah penutur yang boleh meneruskan hayatnya (Asmah Haji Omar, 2011). Keadaan ini juga turut berlaku kepada bahasa orang Asli Duano. Berdasarkan jumlah, dianggarkan terdapat kira-kira 4056 orang daripada suku Duano ini (sila rujuk Jadual 1). Menurut Rohani Mohd Yusof *et al.* (2008:143-45), bahasa orang Asli Duano ini mempunyai perkaitan dengan bahasa Melayu, iaitu berasal daripada induk yang sama. Hal ini meletakkan bahasa orang Asli Duano serumpun dengan bahasa Melayu (Mohd Sharifudin, 2007:105).

Secara umum, orang Asli suku Duano dikatakan berasal dari Sumatera. Malah, bahasa ini didapati masih lagi dituturkan di Pulau Rangsang dan kawasan perairan pantai Jambi, Sumatera, Indonesia (Geoffrey Benjamin & Cynthia Chou (eds.), 2002:112). Namun, di Semenanjung Malaysia, rata-rata suku kaum ini menetap di bahagian selatan, khususnya di negeri Johor Darul Takzim. Jadual 1 menunjukkan penempatan orang Asli Duano yang terdapat di negeri berkenaan:

## ROHANI MOHD YUSOF DAN NUR HIDAYAH MOHAMED SULAIMAN

**Jadual 1** Nama Kampung Orang Asli Duano di Negeri Johor.

BIL.	DAERAH	NAMA KAMPUNG	BILANGAN PENDUDUK
1.	PONTIAN	Kuala Benut	358
		Pontian Besar	653
		Sri Tanjung	75
		Nelayan Benut	137
		Api-api	34
		Pontian Kecil	25
		Kukup Laut	32
2	BATU PAHAT	Sri Pantai	655
		Bumiputera Dalam	660
		Parit Sulong	169
		Teluk Minyak Beku	520
		Sarang Buaya	148
3.	KOTA TINGGI	Sungai Layau	590
	JUMLAH		4056

(Sumber: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Malaysia (2008))

Berdasarkan Jadual 1, didapati taburan penempatan orang Asli Duano di negeri Johor meliputi tiga daerah utama, iaitu daerah Pontian, Batu Pahat dan Kota Tinggi. Namun, kajian ini hanya memberi tumpuan pada Kampung Pontian Besar, Kampung Bumiputera Dalam dan Kampung Kuala Benut.

## KEHIDUPAN SOSIAL DAN PENGGUNAAN BAHASA

Sejak dari awal, orang asli Duano atau dikenali juga sebagai Orang Kuala atau Dossin Dolak<sup>1</sup> menjalankan aktiviti menangkap ikan sebagai salah satu kegiatan ekonomi mereka. Malah, kegiatan tersebut tetap berlanjutan hingga kini. Mereka juga menjalankan aktiviti perniagaan barang terpakai (Rohani Mohd Yusof & Nur Hidayah Suleiman, 2011:76). Kebiasaananya, aktiviti sebagai nelayan lebih ketara dilakukan oleh golongan tua. Bagi golongan muda pula, mereka cenderung untuk bekerja di kilang atau bekerja makan gaji bagi memperoleh pendapatan yang lebih

baik. Malah, pekerjaan ini juga tidak bermusim sebagaimana pekerjaan nelayan.

Bahasa ibunda orang Asli Duano ialah bahasa Duano. Namun, secara linguistiknya, pada masa kini orang Asli Duano jarang menuturkan bahasa ibunda mereka, khususnya generasi muda. Daripada kajian yang dilakukan, rata-rata daripada kalangan generasi muda ini tidak lagi memahami bahasa mereka. Sebaliknya, mereka lebih selesa bertutur dalam bahasa Melayu walaupun semasa berkomunikasi sesama mereka. Ditinjau dari segi agama pula, secara keseluruhan orang Asli Duano ini menganut agama Islam (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, 2009).

## KONSEP BILANGAN

Konsep bilangan digunakan untuk memudahkan kiraan dan urusan dalam kehidupan sehari-hari. Namun, seiring dengan peredaran semasa, wujud suatu sistem angka atau numerologi sehingga ada konsep hari, jam, dan minit (waktu), minggu, bulan dan tahun yang telah berkembang sehingga ke hari ini (Yusmilayati *et. al.*, 2010:93). Dalam hal ini, sistem bilangan terbahagi kepada kata bilangan kardinal dan kata bilangan ordinal yang seterusnya boleh dibahagikan lagi kepada beberapa subsistem yang lebih kecil. Dalam pertambahan budaya manusia, konsep bilangan turut hadir bersama-sama penjodoh bilangan dan juga urutan dalam kelahiran. Keadaan ini juga tergambar dalam masyarakat Duano walaupun tidaklah sekompleks yang terdapat dalam bahasa Melayu.

## KATA BILANGAN KARDINAL

Menurut Asmah Haji Omar (1993: 86), kata bilangan kardinal ialah:

Kata bilangan menyatakan jumlah secara keseluruhan, bukan urutan, dan pada amnya berdiri sendiri dalam ayat tanpa bantuan dari kata lain.

Kata bilangan kardinal seterusnya boleh dibahagikan pula kepada kata nombor dan kata kuantiti (Asmah Haji Omar, 2008a:78). Kata nombor ialah kata yang memberi label kepada jumlah yang ada dalam sistem menghitung, mulai daripada kosong, satu, hingga kepada juta dan lebih daripada itu (Asmah Haji Omar, 2008c:120). Kata kuantiti pula

memperlihatkan jumlah yang tidak boleh dihitung dan biasanya diwakili oleh kata-kata tertentu.

Berdasarkan penelitian, didapati bahasa Duano turut mempunyai keupayaan untuk menghitung dalam bentuk asas hingga jumlah yang lebih besar. Namun, didapati kata bilangan dalam jumlah lebih besar memperlihatkan banyak persamaan dengan bahasa Melayu. Malah jika diteliti ada kemungkinan kata ini diambil daripada bahasa Melayu disebabkan kesan daripada hubungan yang sedia terjalin antara kedua-dua golongan ini. Secara umum kata bilangan kardinal/kata nombor ini diteliti berdasarkan dua (2) kategori, iaitu:

1. Kata Bilangan Kardinal Selapis
2. Kata Bilangan Kardinal Kompleks

### **Kata Bilangan Kardinal Selapis**

Kata bilangan kardinal selapis ialah kata bilangan yang hadir dalam bentuk kata akar. Contoh 1 berikut merupakan antara contoh kata bilangan kardinal selapis yang terdapat dalam bahasa Duano yang diperoleh daripada tiga buah kampung penempatan orang Asli suku Duano, iaitu Kampung Pontian Besar (KPB), Kampung Bumiputera Dalam (KBD) dan Kampung Kuala Benut (KKB). Walaupun terdapat beberapa kelainan dalam sebutan antara ketiga-tiga kampung tersebut, tetapi masih memperlihatkan ciri-ciri persamaan. Misalnya:

#### **Contoh 1:**

	<b>KPB</b>	<b>KBD</b>	<b>KKB</b>	<b>Bahasa Melayu</b>
i.	/ siko? /	/ siko? /	/ siko? /	= satu
ii.	/ duhu /	/ du / <sup>2</sup>	/ du /	= dua
iii.	/ tigu /	/ tigu?/	/tigu /	= tiga
iv.	/ əmpət /	/ əmpat /	/ əmpat /	= empat
v.	/ limu /	/ limu /	/ limu /	= lima
vi.	/ nəp /	/ ənam /	/ nəm /	= enam
vii.	/ tuju /	/ tujo /	/ tujuoh /	= tujuh
viii.	/ laput /	/ lapun /	/ lapət /	= lapan
viiii.	/ səmilut /	/ səmbilat /	/ səmilan /	= sembilan

Berdasarkan Contoh 1, memperlihatkan angka satu hingga sembilan adalah kata bilangan selapis. Daripada kata bilangan ini, didapati kata /siko? / lebih asli bentuknya berbanding angka dua hingga sembilan yang memperlihatkan persamaan dengan bahasa Melayu. Sebaliknya, angka sepuluh dan seterusnya merupakan kata bilangan kompleks (sila rujuk subtajuk Kata Bilangan Kardinal Kompleks).

Selain itu, didapati kata bilangan dua memperlihatkan variasi antara KPB dan KBD/KKB dengan sebutan /duhu/ dan /du/. Dalam hal ini, pertuturan di KBD dan KKB memperlihatkan pengguguran pada suku kata kedua. Keadaan ini boleh digambarkan seperti yang berikut:

KPB	KBD/KKB	Bahasa Melayu
/duhu /	~ / duø /	= dua

Kelainan juga berlaku pada kata bilangan enam, tujuh, lapan dan sembilan (sila rujuk Contoh 1). Dalam hal ini bunyi nasal yang hadir pada lingkungan akhir kata akan mengalami penyahnasan. Misalnya, pada kata enam, menjadi /nøp/ di KPB manakala kata lapan menjadi /laput/ di KPB dan /lapøt/ di KKB. Namun, secara umumnya didapati kata bilangan yang dituturkan di KBD lebih rapat persamaannya dengan bahasa Melayu berbanding di KPB dan KKB.

### Kata Bilangan Kardinal Kompleks

Kata bilangan kompleks pula merupakan kata yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua morfem. Dalam bahasa Austronesia, kata bilangan kompleks terbentuk melalui proses seperti penjumlahan, pendaraban atau gabungan kedua-duanya (Asmah Haji Omar, 1993:47). Malah, proses yang sama juga turut berlaku dalam bahasa Duano. Proses penjumlahan adalah untuk menyatakan jumlah atau angka dari angka sebelas hingga sembilan belas. Perhatikan contoh berikut:

#### Contoh 2:

	KPB	KBD	KKB	Bahasa Melayu
i.	/ səbəłəs /	/ səbəłəs /	/ səbəłət /	= sebelas
ii.	/ tigu bəłas /	/ tigu bəłas /	/ tigu bəłət /	= tiga belas
iii.	-	/ lapun bəłas /	-	= lapan belas

Berdasarkan contoh tersebut, didapati kata kardinal kompleks dalam bahasa Duano terdiri daripada dua morfem bebas seperti contoh (ii) dan (iii). Selain itu, bagi contoh (i) didapati menggunakan awalan { sə- } yang sejajar dengan awalan { sə- } yang terdapat dalam bahasa Melayu. Selain itu, berdasarkan proses penjumlahan ini, didapati bahasa Duano mempunyai konsep /bəlas/. Namun, konsep /bəlas/ ini merupakan pinjaman daripada bahasa Jawa, iaitu /wəlas/ dan diambil melalui bahasa Melayu seperti juga bahasa Austronesia lain (sila rujuk Asmah Haji Omar, 1993; dan Rohaidah Mashudi, 1999:175). Seterusnya, proses pendaraban memperlihatkan kata nombor yang didarabkan bersama-sama konsep puluh, ratus dan ribu. Perhatikan beberapa contoh dari kampung penempatan kaum Duano berikut:

**Contoh 3:**

	KPB	KBD	KKB	Bahasa Melayu
i.	/ səpulu /	/ səpulu /	/ səpuloh /	= sepuluh
ii.	/ dua pulu /	/ du pulo /	/ du pulo /	= dua puluh
iii.	/ səyatus /	/ səyatus /	/ səyətus /	= dua ratus
iii.	-	/ əmpat ɣibu /	-	= empat ribu

Seterusnya, kata bilangan kompleks juga terhasil melalui gabungan antara pendaraban dan penjumlahan, seperti puluh, ratus, ribu, dan ratus ribu (Asmah Haji Omar, 1993:87). Namun, dalam bahasa Duano, keupayaan untuk menghitung hingga peringkat puluhan atau ratusan ribu, tidak begitu ketara. Yang berikut antara contoh kata bilangan kompleks yang terhasil secara sedemikian:

**Contoh 4:**

	Bahasa Duano	Bahasa Melayu
i.	/ limu pulo limu /	= lima puluh lima
ii.	/ lapun pulo tujo /	= lapan puluh tujuh
iii.	/ du pulo tigu /	= dua puluh tiga

Berdasarkan Contoh 3 dan Contoh 4, didapati kata kardinal jenis ini terdiri daripada sekurang-kurangnya dua morfem. Walaupun bahasa Duano mempunyai keupayaan untuk menghasilkan kata bilangan kompleks yang

sedemikian, namun rata-rata memperlihatkan persamaan dengan bahasa Melayu. Yang berikut merupakan contoh kehadiran kata kardinal dalam kehidupan sehari-hari orang Duano Kampung Bumiputera Dalam untuk menyatakan jumlah:

**Contoh 5:**

- i. /anə?ayu # du oy //  
anak aku, dua orang

**Bahasa Melayu:** Anak saya, dua orang.

- ii. /limu caŋke nədis meju/  
lima cawan di atas meja

**Bahasa Melayu:** lima cawan di atas meja

- iii. /tigu buwah naŋku/  
tiga buah nangka

**Bahasa Melayu:** tiga buah nangka

Penggunaan kata /buwah/ dalam bahasa Duano seperti contoh 5 (iii) merujuk penjodoh bilangan yang sama dengan “biji” dalam bahasa Melayu (keterangan lanjut, sila rujuk subtajuk Penjodoh Bilangan).

**Kata Kuantiti**

Kata bilangan kuantiti digunakan untuk menunjukkan bilangan yang tidak pasti atau yang tidak dapat dikira dengan nombor. Yang berikut merupakan contoh kata bilangan kuantiti yang terdapat dalam bahasa Duano:

**Contoh 6:**

	<b>KBD</b>	<b>KPB</b>	<b>KKB</b>	<b>Bahasa Melayu</b>
i.	/ sətəŋa /	-	-	= setengah
ii.	/ səŋəlit /	/səmuə/	/ səŋəlit /	= semua
iii.	/ coco? / /	/siket /	/ coco? / /	= sedikit
iv.	/ yat /	/yamay/ <sup>3</sup>	/ yat /	= banyak

Berdasarkan contoh (ii) hingga (iv), didapati kata bilangan kuantiti di Kampung Bumiputera Dalam mempunyai persamaan dengan di Kampung Kuala Benut. Namun di Kampung Pontian Besar pula, kata bilangan kuantiti memperlihatkan pengaruh daripada bahasa Melayu. Yang berikut merupakan contoh kehadiran kata kuantiti dalam frasa yang diperoleh daripada bahasa Duano di Kampung Bumiputera Dalam:

### Contoh 7

- i. /səŋɟelit pənudu?/ kapo? /  
semua penduduk kampung

**Bahasa Melayu:** semua penduduk kampung

- ii. /coco?/ gəyup/  
sedikit garam

**Bahasa Melayu:** sedikit (secubit) garam

### Kata Ordinal

Kata ordinal ialah bilangan yang menunjukkan turutan dan jumlah (Asmah Haji Omar, 2008c:120). Berdasarkan pemerhatian, pembentukan kata ordinal dalam bahasa Duano terdiri daripada struktur: / kə- / + kata bilangan, sama seperti bahasa Melayu (Asmah Haji Omar, 2009:102). Namun, contoh kata ordinal ini hanya diperoleh dari Kampung Bumiputera Dalam. Namun secara ketara, kata ini adalah daripada bahasa Melayu. Perhatikan contoh berikut:

### Contoh 8:

Bahasa Duano	Bahasa Melayu
i. /pətamu/	= pertama
ii. /kəduwu/	= kedua
iii. /kəəmpat/	= keempat

Berdasarkan struktur, kata ordinal tidak disertai dengan penjodoh bilangan seperti yang berlaku pada kata nombor kardinal. Hal inilah yang membezakan antara kata nombor ordinal dengan kata nombor kardinal.

Dalam hal ini, kata ordinal akan didahului oleh kata nama. Perhatikan contoh berikut yang juga diperoleh dari Kampung Bumiputera Dalam:

**Contoh 9:**

- i. /bəŋku kəduwu/  
bangku kedua

**Bahasa Melayu:** bangku kedua

- ii. /beyoʔ/ /kətigu/  
bini ketiga

**Bahasa Melayu:** isteri ketiga

Walau bagaimanapun hasil penelitian juga mendapati, penggunaan kata bilangan ordinal /nombo/ turut hadir dalam bahasa Duano untuk menggambarkan urutan. Penggunaan perkataan /nombo/ ini dilihat lebih kerap digunakan dalam bahasa ini berbanding dengan awalan { kə- }. Asmah Haji Omar (1993: 54) menyatakan:

...konsep ordinal dalam rangkai kata yang mempunyai perkataan “nombor” yang dipinjam daripada bahasa Inggeris melalui bahasa Melayu dan dipadankan dengan sistem bunyi bahasa masing-masing.

Oleh sebab kehidupan orang suku Duano dikelilingi oleh orang Melayu, maka bahasa Duano banyak berkait rapat dengan bahasa ini. Perhatikan antara contoh berikut:

**Contoh 10:**

- i. / anəʔ/ nombo duwu /  
anak nombor dua

**Bahasa Melayu:** anak kedua

- ii. / bonu nombo limu /  
rumah nombor lima

**Bahasa Melayu:** rumah kelima

## Penjodoh Bilangan

Penjodoh bilangan terdiri daripada sejumlah kata nama yang digunakan untuk menyatakan jumlah manusia, haiwan dan benda konkret (Asmah Haji Omar, 2008c:120). Dari segi struktur, penjodoh bilangan hadir selepas kata nombor dan sebelum kata nama. Menurut D.J Prentice (1991: 929), penjodoh bilangan:

*...occurs between a numeral and a noun and gives information about the forms, size or character of the latter.*

Seperti juga bahasa Melayu, didapati penjodoh bilangan dalam bahasa Duano boleh dibahagikan kepada:

- i. Penjodoh Bilangan Bernyawa
- ii. Penjodoh Bilangan Tak Bernyawa

Berdasarkan kajian, didapati penjodoh bilangan untuk kata nama bernyawa dalam bahasa Duano ialah /siko?/. Kata / siko?/ dalam penjodoh bilangan ini merujuk kedua-dua manusia dan binatang. Penggunaan kata ini juga memperlihatkan persamaan dengan bahasa Austronesia yang lain, misalnya bahasa Iban yang menggunakan kata /iko// untuk kedua-dua manusia dan binatang (sila rujuk Asmah Haji Omar, 1981:129). Di samping itu, kata /siko?/ dalam bahasa Duano ini juga merujuk kata bilangan kardinal, yang bermaksud satu (sila rujuk subtajuk Kata Bilangan Kardinal Selapis).

### Contoh 11:

- i. / siko?/ ayub /  
seekor ayam

**Bahasa Melayu:** seekor ayam

- ii. / du siko?/ ayub /  
dua ekor ayam

**Bahasa Melayu:** dua ekor ayam

- iii. / du siko? dədənə?/

dua orang kanak-kanak

**Bahasa Melayu:** dua orang kanak-kanak

Seterusnya, selain kata penjodoh bilangan bernyawa, terdapat juga penjodoh bilangan tidak bernyawa yang merujuk benda. Untuk itu, penjodoh bilangan tak bernyawa ditentukan oleh bentuk, saiz atau karektor (D.J. Prentice, 1991:929) dan tekstur. Menurut Asmah Haji Omar (1983:74):

*A prominent characteristic of the numeral system in most of the Malaysian Austronesian languages is the presence of numeral classifiers which are placed after a cardinal and before a head noun, such that the whole numeral phrase is of the structure Num + Cl + H.*

Berdasarkan penelitian, didapati penggunaan penjodoh bilangan dalam bahasa Duano tidak begitu ketara dan hanya sekali-sekala hadir dalam ayat. Misalnya:

### Contoh 12

#### Bahasa Duano Bahasa Melayu

- i. / buwah / = untuk buah-buahan, benda bulat dan benda besar
- ii. /kəpiyəʔ/ = untuk benda yang leper seperti papan
- iii. / bilah / = untuk benda tajam dan senjata
- iv. / lay / = benda yang berbentuk helaian nipis dan lembut
- v. / cəkaʔ / = benda dalam bentuk “berkas”

Daripada contoh yang diperoleh, didapati kata penjodoh bilangan wujud selepas kata bilangan kardinal dan selepas kata nama. Yang berikut ialah contoh kata penjodoh bilangan yang hadir dalam perbualan sehari-hari orang Asli Duano:

### Contoh 13

- i. / sebuwa buwah apəl /  
sebijji buah epal

**Bahasa Melayu:** sebijji (buah) epal

- ii. /limu buwah motoka/  
lima buah motokar

**Bahasa Melayu:** lima buah motokar (kereta)

- iii. /tigu kəpiyə? paput/  
tiga keping papan

**Bahasa Melayu:** tiga keping papan

- iv. /du bilah pistol/  
dua bilah pistol

**Bahasa Melayu:** dua pucuk pistol

- v. /du lay kəyətas/  
dua helai kertas

**Bahasa Melayu:** dua helai kertas

- vi. /limu cəka?yoju/  
lima berkas kayu

**Bahasa Melayu:** lima berkas kayu

## Konsep Kekerapan

Selain itu, kajian terhadap bahasa Duano mendapati wujud juga kata dalam menyatakan konsep kekerapan. Namun dalam konteks ini, konsep kekerapan yang sering digunakan ialah “kali” dan biasanya hadir dalam binaan frasa. Struktur frasa yang mewujudkan konsep kekerapan ini terdiri daripada golongan kata bilangan + kali. Yang berikut merupakan contoh yang diperoleh dalam pertuturan sehari-hari orang Asli Duano:

### Contoh 14

#### Bahasa Duano Bahasa Melayu

- i. / səkali / = sekali

- ii. / du kali / = dua kali
- iii. / tigu kali / = tiga kali

Contoh di atas memperlihatkan persamaan antara bahasa Duano dengan bahasa Melayu disebabkan hubungannya yang rapat antara satu sama lain. Dalam memperlihatkan konsep kekerapan ini, bahasa Iban juga turut menggunakan perkataan kali (rujuk Asmah Haji Omar, 1993: 52) yang juga sebagai pengaruh daripada bahasa Melayu. Selain itu, konsep kekerapan juga merupakan antara komponen bagi frasa kerja. Perhatikan contoh berikut:

### **Contoh 15**

#### **Bahasa Duano**

- |                         |                   |
|-------------------------|-------------------|
| i. / œŋkat du kali /    | = makan dua kali  |
| ii. / jœsah tigu kali / | = basuh tiga kali |
| iii. / masa? sœkali /   | = masak sekali    |

#### **Bahasa Melayu**

## **KESIMPULAN**

Konsep bilangan dalam bahasa Duano meliputi kata kardinal, kata ordinal, kata kuantiti, penjodoh bilangan dan kekerapan. Terdapat juga variasi antara bahasa Duano disebabkan kawasan geografi yang berbeza, namun perbezaannya tidaklah begitu besar. Berdasarkan penelitian juga, didapati kata bilangan dalam bahasa Duano memperlihatkan banyak persamaan dengan bahasa Melayu. Hal ini bukan sahaja disebabkan oleh perkaitan kekeluargaan, tetapi juga disebabkan pergaulan yang rapat antara orang Melayu dengan orang asli Duano. Keadaan ini turut ditambah dengan kurangnya daya untuk mempertahankan penggunaan bahasa ibunda oleh penutur bahasa Duano, maka pengaruh bahasa Melayu semakin meluas dalam bahasa ini.

## **NOTA**

1. Perkataan Dossin berasal dari kata “desit” yang bermakna “orang”, manakala “dolak” pula bermakna ‘laut’ dalam bahasa suku Duano ini.
2. Selain daripada kata /du/ untuk kata bilangan dua, adakalanya penutur bahasa Duano juga menyebutnya sebagai /duwu/.
3. Hasil daripada kajian, mendapati konsonan frikitif /y/ konsonan tril /r/ saling bervariasi dalam pertuturan suku Duano di Kampung Pontian Besar (KPB). Oleh itu perkataan /yamay/ turut dituturkan juga sebagai /ramay/.

## RUJUKAN

- Asmah Haji Omar, 1981. *The Iban Language of Sarawak: A Grammatical Description*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Asmah Haji Omar, 1993. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Asmah Haji Omar, 2008a. *Nahu Kemas Kini*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Asmah Haji Omar, 2008b. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2008c. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2009. *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2011. “Bahasa Terancam di Malaysia” dlm. *Jurnal Bahasa Jendela Alam*, 7:15-25, 2011. Persatuan Bahasa Moden Malaysia.
- Geoffrey Benjamin & Cynthia Chou (eds.), 2002. *Tribal Communities in the Malay World: Historical, Cultural and Social Perspectives*. Singapore: International Institute for Asian Studies.
- Rohani Mohd Yusof *et al.* 2008. “Leksikostatistik Bahasa-Bahasa Melayu-Proto”. Prosiding (Jilid 2). Seminar Antarabangsa Dialek-Dialek Austronesia di Nusantara III, Brunei Darussalam, 24-26 Januari 2008.
- Rohani Mohd Yusof dan Nur Hidayah Mohamed Suleiman, 2011. “Fenomena Bahasa di Kalangan Orang Melayu-Proto: Kajian Suku Duano” dlm. *Jurnal Bahasa Jendela Alam* 7:69-86, 2011. Persatuan Bahasa Moden Malaysia,
- Rohaidah Mashudi, 1999. “*Perbandingan Fonologi Bahasa Jawa dan Bahasa Melayu Di sabak Bernam.*” Disertasi untuk Memenuhi Keperluan Ijazah Sarjana (M.A). Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Prentice, D.J., 1991. “Malay (Indonesian and Malaysian)” dlm. Bernard Comrie (ed.), *The World’s Major Languages*, hlm. 413-935). London and New York: Routledge.
- Mohd Sharifudin Yusop, 2007. “*Keusangan Bahasa Melayu-Proto: Kajian Sosiologi Bahasa terhadap Dialek Duano dan Dialek Kanaq di Johor.*” Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Yusmilayati Yunos & Zubir Idris, 2010.“Konsep Hitungan dalam Naskah Jawa Melayu: Fungsi dan Cabaran” dlm. *Cabarani Semasa Pengajian Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, hlm. 93-107.